



KAMARUDIN dan rombongan merakam kenangan bersama dengan Tun Juhar.

Juhar terima kunjungan hormat Naib Canselor UMS baharu

UB 6.7.2017 3

KOTA KINABALU: Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin menerima kunjungan hormat daripada Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baharu, Profesor Dr D. Kamarudin D. Mudin di Istana Negeri, pada Rabu.

Menurut Kamarudin, tujuan kunjungan adalah sebagai tanda hormat kepada Tun Juhar yang merupakan Canselor UMS.

“Atas dasar itu, saya menyatakan hasrat-harsrat kami di UMS selepas mengambil alih tampuk kepimpinan di universiti kerana sudah tentunya terdapat sedikit penyelarasan agar kami dapat bergerak dengan pantas untuk memenuhi hasrat pemegang taruh yang ada,” katanya ketika ditemui media selepas kunjungan hormat itu.

Menurutnya, beliau akan meneruskan misi dan visi yang sama dan hanya mengubah suai sedikit strategi dalam memenuhi jangkaan dan harapan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Katanya lagi, aspek dinamik dan kelestarian menjadi perkara asas dalam setiap pertimbangan yang juga penting dalam menetapkan matlamat jangka masa panjang.

“Yang penting, apa jua yang kita buat, kita ingin terapkan konsep tersebut kepada semua graduan serta kakitangan tidak kira kakitangan akademik maupun pentadbiran dan sokongan UMS,” tambahnya.

Beliau merupakan Naib Canselor UMS ke-5 yang berkuatkuasa pada 18 Jun lepas, menggantikan Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.